

**LIGHT AND COLOUR DALAM PENGHASILAN
SINEMATIK VIDEO PERKAHWINAN**

NURAZREEN BINTI ABD RAYOF @ RAOF

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LIGHT AND COLOUR DALAM PENGHASILAN SINEMATIK VIDEO PERKAHWINAN

oleh

NurAzreen Binti Abd Rayof@Raof
C17A0259

Tesis Yang Dikemukakan Untuk Memperolehi Ijazah
Sarjana Muda Teknologi Kreatif

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau Institusi.

- AKSES TERBUKA Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia sebagai Salinan Kertas atau dalam talian akses terbuka (teks penuh)
- SULIT Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972
- TERHAD Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan

Saya mengaku bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut :

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan berhak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat Salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan oleh :

Tandatangan

Tandatangan Penyelia

Nama :

Tarikh :

PENGHARGAAN

Alhamdulillah rabbilalamin dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan hidayahnya dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Selawat dan salam disedekahkan kepada nabi kita Muhammad S.A.W. Pengkaji mengambil peluang ini untuk merakamkan beribu terima kasih yang ikhlas dari lubuk hati kepada penyelia bagi projek penyelidikan ini iaitu Encik Fairuladlan Bin Hamadun atas bimbingan, tunjuk ajar, kritikan dan kesabaran serta pengertian beliau yang diberikan sepanjang menyiapkan kajian ini. Beliau merupakan antara insan yang sentiasa bersabar dan memberi segala tunjuk ajar kepada semua anak-anak murid dibawah seliaanya. Terima kasih untuk kesekian kalinya.

Terima kasih dirakamkan juga kepada dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Dr Hanisa Binti Hassan kerana memberi keizinan menggunakan kemudahan yang terdapat di Universiti Malaysia Kelantan bagi mencari maklumat-maklumat berkaitan kajian ini. Terima kasih juga disampaikan kepada pihak perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan kerana memberi kebenaran untuk menggunakan kemudahan yang terdapat di dalam perpustakaan.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pensyarah yang telah banyak memberikan ilmu dan panduandi sepanjang pengajian saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibubapa saya yang memberi saya pemudah cara untuk menyelesaikan tesis ini. Mereka telah memberikan segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai saya Berjaya menyiapkan kajian ini.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan, serumah, satu kumpulan dan penyelia yang banyak memberikan pertolongan. Tanpa mereka semua mungkin kajian ini tidak dapat diselesaikan dengan menjawab setiap pertanyaan yang saya utarakan kepada mereka.

Akhir kalam, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam pembikinan tugas teks ini. Pengkaji berharap semoga Allah S.W.T membalas kebaikan kepada semua pihak yang memberikan bantuan dalam menyiapkan teks ini. Amin.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PERAKUAN TESIS	I
PENGHARGAAN	II
SENARAI KANDUNGAN	III
SENARAI RAJAH	V
ABSTRAK	VI
ABSTRACT	VIII
BAB I	
PENGENALAN	
1.1	Permasalahan Teknik Penggunaan cahaya Dan Warna Dalam Sinematik Video Perkahwinan Di Malaysia 1-3
1.2	Objektif Kajian 3-4
1.3	Persoalan Kajian 4
1.4	Skop Dan Batasan Kajian 4
1.5	Kepentingan Kajian 5
1.6	Struktur Kajian 5-6
BAB II	
KAJIAN LITERATURE	
2.1	Pengenalan 7
2.2	Definisi 7-8
2.3	Teori Pencahayaan Dan Warna
2.3.1	Asas Pencahayaan 9-12
2.3.2	Colour Grading
2.4	Kajian Lepas 12-16

BAB III	METODOLOGI PENYELIDIKAN	
3.1	Pengenalan	17
3.2	Kaedah Kuantitatif	17-20
3.3	Carta Aliran	20
BAB IV	DATA ANALISIS LIGHT DALAM PENGHAHSILAN SINEMATIK VIDEO PERKAHWINAN	
4.1	Pengenalan	21
4.2	Analisis Video Perkahwinan Athirah,2015	
	4.2.1 Jenis Teknik Pecahayaan Yang Digunakan Dalam Video Perkahwinan Athirah,2015	22-25
	4.2.2 Jenis Teknik <i>Colour Grading</i> Dalam Pengahasilan Sinematik Video Perkahwinan Athirah, 2015.	26-27
4.3	Kesimpulan	28
BAB V	KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	29
5.2	Rumusan	29-30
5.3	Cadangan	30
RUJUKAN		31-32



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
Carta 3.3	Carta Aliran	20
Rajah 4.1	Teknik Pencahayaan 1	22
Rajah 4.2	Teknik Pencahayaan 2	23
Rajah 4.3	Teknik Pencahayaan 3	24
Rajah 4.4	Teknik Pencahayaan 4	25
Rajah 4.2.2	Teknik <i>Colour Grading</i> 1	26
Rajah 4..2.2	Teknik <i>Colour Grading</i> 2	27

Cahaya Dan Warna Dalam Penghasilan Sinemati Video Perkahwinan

ABSTRAK

Cahaya dan warna merupakan salah satu faktor yang menjadikan terhasilnya video sinematik. Kajian ini menumpukan pada elemen sinematik melalui teknik pencahayaan dan teknik penyuntingan warna dalam video perkahwinan. Video perkahwinan ini menarik menarik untuk diteliti kerana, selain sifatnya sinematik dan mempunyai kesan emosional bagi menjelaskan makna jalan cerita video itu. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melibatkan kaedah data masyarakat dan analisis cahaya dan warna dalam penghasilan sinematik video perkahwinan. Hasil analisis dan pengumpulan data mendapati bahawa kajian ini membuktikan cahaya dan warna dalam penghasilan sinematik video perkahwinan merupakan video yang memerlukan unsur-unsur sinematik melalui teknik pencahayaan dan teknik suntingan yang mantap.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Light And Colour In The Production Of Sinematic Wedding Videos

ABSTRACK

Light and colour are one of the factors that make a cinematic video. This study focuses on cinematic elements through lighting techniques and colour editing techniques in wedding videos. This wedding video is interesting to study because, in addition to its cinematic nature and has an emotional impact to explain the meaning of the storyline of the video. Accordingly, this study uses a qalytative method that involves community data methods and analysis of light and colour in the cinematic production of wedding videos. The results of analysis and data collection found that this study proves that light and colour in the cinematic production of wedding video is a video that requires cinematic elements through lighting techniques and robust editing techniques.

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

Sinematik merupakan asas pembikinan atau penghasilan filem yang bersifat teknikal. Terdapat unsur dalam sinematik yang terdiri daripada beberapa aspek, iaitu *mise en scene*, sinematografi, penyuntingan dan bunyi. Secara definisi ringkasnya, sinematik ialah cara penggambaran syot-syot mengikut arahan pengarah atau papan cerita. Bukan itu sahaja, jika diperhatikan ketika kita menonton sesebuah filem yang diiktiraf, hampir tiada syot-syot yang rosak (Hamzah, 2010). Sebagai contoh filem yang memenangi sinematografi terbaik dalam Festival Filem Malaysia ke-30 pada tahun 2019 iaitu *Guang* arahan Yeong Tuck Wei. Oleh sebab itu, elemen dalam *mise en scene* memainkan peranan sangat penting dalam penghasilan sinematik video perkahwinan yang akan dikaji. Salah satunya warna, warna sinematik banyak dilihat dalam filem-filem. Hal ini kerana, warna yang kita lihat didunia sebenar hampir sama dengan warna dalam filem-filem ditonton, kerana ia seolah olah memberi kesan kepada emosi dan ekspresi penonton. Oleh itu, semakin sinematik apa yang dilihat dalam filem itu, semakin wujud perasaan seperti cinta, benci, tenang, sedih dan sebagainya. Dari segi cahaya pula, cahaya yang baik akan menguatkan suasana atau mood dalam syot (Andy Nicolas, 2003)

Cahaya dan warna merupakan salah satu elemen dalam sinematografi. Ia merupakan salah satu *cinematic language* yang memberi gambaran terhadap sesuatu perkara. Selain itu, berupaya untuk memberi kesan terhadap tahap emosi dan gerak hati manusia. Terdapat 2 jenis sumber pencahayaan dalam filem iaitu *natural light* dan *artificial light*. *Natural light* adalah pencahayaan semulajadi serta ia boleh berbeza daripada terang, jelas dan cerah contoh dalam filem *Logan 2017*. *Artificial light* adalah pencahayaan rekaan. Pencahayaan rekaan ini dihasilkan oleh prob atau cahaya yang pakai buang seperti mentol berwarna-warni, pantulan cermin berwarna dan sebagainya. Selain itu cahaya rekaan boleh direka ketika penyuntingan berlaku. Contoh filem yang menggunakan pencahayaan rekaan ialah *Inglourious Basterds (2009)*. Suhu warna sangat memainkan peranan penting dalam ukuran warna cahaya putih. Setiap elemen, setiap warna, setiap bayangan ada untuk tujuan dan bahagiannya dalam skema visual

dan penceritaan. Cahaya akan mempengaruhi kualiti warna dan dimensi gambar. Oleh itu, ia akan dapat menjadikan video kelihatan lebih sinematik.

Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis penghasilan sinematik dalam video perkahwinan. Perkahwinan merupakan hubungan yang disatukan antara dua orang berlainan jantina. Dalam satu bentuk lain, perkahwinan didapati hampir setiap masyarakat tidak kira agama, usia atau pangkat. Setiap perkahwinan, akan melaksanakan majlis besar-besaran untuk menyambut kehadiran tetamu dan meraikan hari kebahagiaan pasangan tersebut. Hal ini kerana, majlis yang diraikan setiap ahli keluarga akan memberi kenangan terindah. Setiap majlis pasti ada atur cara yang disediakan oleh tuan rumah. Antaranya makanan, pengacara majlis, tempat, seperti dewan, rumah atau taman.

Jurugambar dan juruvideo memainkan peranan penting dalam penghasilan gambar dan video pengganti tersebut. Hal ini kerana, pasangan yang ingin berkahwin akan mencari jurugambar atau juruvideo mereka untuk mengambil gambar dan video di hari bahagia untuk dijadikan kenangan. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji penghasilan sinematik dalam video perkahwinan.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam permasalahan kajian, pengkaji memilih tajuk penggunaan cahaya dan warna dalam sinematik video perkahwinan kerana kurangnya juruvideo perkahwinan yang mengaplikasikan teknik pencahayaan dan warna dalam video perkahwinan. Kebanyakan pengkaji mengkaji berkenaan unsur-unsur sinematografi dalam filem, namun tiada lagi kajian yang mengetengahkan penggunaan unsur sinematografi dalam video perkahwinan. Justeru itu pengkaji mengambil peluang ini untuk mengkaji teknik penggunaan sinematik dalam video perkahwinan. Video perkahwinan profesional adalah sangat selektif, digambarkan sebagai teks yang berwibawa untuk bagaimana peristiwa itu mesti dikenang, dan oleh itu memainkan peranan penting dalam membentuk ingatan, melekatkan 'pengertian dan hubungan tempora antara masa lalu dan sekarang. (Matthew Wade, 2019).

Dalam arus permodanan kini ,pasangan mempelai menginginkan satu perkara yang dapat dikenang,justeri itu bidang videografi ini menjadi pilihan utama untuk merakam hari bahagia mereka. Demi mendapatkan sebuah video perkahwinan yang berkualiti pelbagai teknik sinematografi filem diterapkan dalam pembikinan video perkahwinan demi mendapatkan kesinambungan video yang penuh makna. Kajian pernah dikaji dalam bidang videografi perkahwinan Buku oleh Jilly Boyce Kay, Melanie Kennedy, Helen Wood, 2019 *The Wedding Spectacle Across Contemporary Media and Culture*. Dalam kajian yang menganalisis mendalam mengenai pelbagai bentuk dan cara tontonan perkahwinan dari segi televisyen realiti dan video perkahwinan sinematik. Dalam kajian ini tertumpu kepada unsur cahaya dan *colour grading* yang perlu digunakan dengan tepat. Penggunaan sinematik dalam video perkahwinan memainkan peranan dalam menyampaikan sinematik sesebuah video.

Walaupun terdapat beberapa kajian yang menyentuh aspek sinematik dalam perkahwinan namun, penekanan dilakukan terhadap cahaya dan sinematik seperti kajian yang dijalankan oleh Juraj Obert yang bertajuk *Artistic Control Of Indirect Cinematic Lighting*, 2008. Kajian ini hanya tertumpu kepada kepentingan cahaya, sinematik, pengolahan jalan cerita, ekspresi wajah dan pergerakan kamera. Perkara menjadi tumpuan kepada pengkaji untuk meneliti dan membuktikan penggunaan teknik pencahayaan dan *colour grading* dalam penghasilan sinematik dalam video perkahwinan.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian yang pertama adalah mengakaji teknik penggunaan cahaya dalam video perkahwinan Athirah, 2015. Melalui pemerhatian dalam video perkahwinan Athirah, 2015 di laman sosial, pengkaji akan menyelidik teknik penggunaan cahaya dan warna yang digunakan dalam video perkahwinan.

Objektif kajian kedua adalah bertujuan menganalisis teknik *colour grading* dalam penghasilan sinematik video perkahwinan Athirah, 2015 . Hal ini kerana, teknik *colour grading* dalam video perkahwinan banyak digunakan dalam pelbagai cara baru. Oleh itu, pengkaji berminat untuk menganalisis lebih mendalam tentang teknik penyuntingan dalam penghasilan sinematik video perkahwinan Athirah, 2015.

Objektif terakhir dalam kajian, adalah mengaplikasikan teknik cahaya dan warna dalam penghasilan sinematik video perkahwinan di dalam projek yang akan dihasilkan. Hal ini kerana, dengan hasil mengapikasi teknik ini akan membuktikan pengkaji melakukan kajian. Oleh itu, hasil projek sangat penting untuk menunjukkan penghasilan sinematik dalam video perkahwinan.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan kajian yang perlu dicapai dalam kajian ini adalah,

- a) Bagaimanakah teknik penggunaan cahaya dalam video perkahwinan Athirah, 2015.
- b) Bagaimanakah *colour grading* dalam penghasilan sinematik video perkahwinan Athitrah, 2105.
- c) Bagaimanakah teknik cahaya dan *colour grading* dalam penghasilan sinematik video perkahwinan di dalam projek yang akan dihasilkan.

1.4 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian tertumpu kepada cahaya dan warna dalam penghasilan sinematik perkahwinan. Kajian hanya menfokuskan teknik pencahayaan yang dihasilkan dalam video perkahwinan Athirah, 2015, menganalisis *colour grading* dalam penghasilan sinematik video perkahwinan Athirah, 2015 dan mengaplikasikan teknik pencahayaan dan *colour grading* dalam penghasilan sinematik video perkahwinan. Hal ini kerana, terdapat unsur yang jelas tentang sinematik yang terhasil melalui video perkahwinan Athirah,2015.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting untuk menambah sumber rujukan kepada para pengkaji yang akan membuat kajian yang berkaitan dengan teknik pencahayaan dan analisis *colour grading* dalam penghasilan sinematik video perkahwinan. Kajian sebegini mampu menampung ilmu keteorian melalui teknik pencahayaan dan *colour grading* yang ditekankan melalui kajian ini kerana penggunaannya mampu mewujudkan mood dan kesan sinematik dalam video.

Seterusnya, kajian ini juga dapat membuka mata masyarakat mengenai kepentingan video perkahwinan. Kajian ini juga, dapat dijadikan sebagai satu kaedah untuk penambahan ilmu kepada sesiapa yang ingin menghasilkan karya yang memberi impak kepada masyarakat. Hal ini kerana, dengan menggunakan teknik pencahayaan yang betul. Sememangnya mampu memberikan maksud-maksud yang tertentu.

Selain itu, kepentingan kepada penggiat industri di Malaysia dapat mempromosikan video perkahwinan yang menggunakan teknik pencahayaan dan *colour grading* dengan tepat. Hal ini kerana, penggiat seni diluar sana mampu melihat kajian yang banyak untuk dijadikan sebagai panduan mengenai teknik pencahayaan dan *colour grading* dengan betul.

1.6 STRUKTUR ORGANISASI KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mengandungi lima bab. Bab satu merangkumi perbincangan mengenai pengenalan kepada kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan struktur organisasi kajian. Bab satu memberi maklumat daripada kajian yang dianalisis, dikaji dan diaplikasi. Selain itu, Bab satu juga, menerangkan pelbagai persoalan dan jawapan dari pelbagai ilmu pengetahuan yang dikaji. Bukan itu saja, bab satu juga akan menerangkan maklumat yang menarik untuk dikongsi kepada masyarakat luar. Sebagai contoh ada cara yang lebih mudah untuk menyunting video dengan teknik yang asas.

Bab dua menerangkan tentang kajian lepas. Bahagian ini membincangkan tentang kajian –kajian lepas yang dijalankan oleh sarjana yang menjadi rujukan utama kepada pengkaji dalam menjalankan penyelidikan ini. Bab dua juga membincangkan secara terperinci latar belakang teori atau konsep yang digunakan dalam kajian ini sebagai kerangka analisis.

Seterusnya bab tiga, bab ini menerangkan metodologi yang digunakan oleh penyelidik untuk menjalankan kajian bagi menjelaskan satu perkaitan antara objektif kajian seperti yang dinyatakan dalam bab satu dengan kaedah pengumpulan data. Terdapat beberapa perkara yang disentuh dalam bab ini merangkumi rekabentuk kajian , lokasi kajian,respondan kajian, instrument kajian, kaedah pengumpulan data, prosedur kajian dan analisis yang dihurai secara terperinci melalui substajuk yang ditentukan.

Pada bab empat akan diterangkan secara terperinci analisis data yang telah dilakukan dan dapatan yang diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan. Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis video perkahwinan Athirah, 2015. Analisis yang dilakukan ini adalah berkaitan dengan dapatan kajian yang diperolehi iaitu mengandungi interpretasi yang merangkumi keseluruhan ruang lingkup mengenai objektif kajian yang telah dikemukakan pada bab 1. Sehubungan dengan itu, perbincangan dalam analisis ini akan menumpukan kepada menjawab kesemua persoalan kajian yang telah dikemukakan di dalam bab 1.

Bab lima ini membincangkan tentang dapatan kajian yang dibentangkan dalam bab empat. Perbincangan dibuat dalam lima bahagian merangkumi ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi kajian, cadangan kajian lanjutan dan rumusan. Bahagian pertama adalah ringkasan kajian yang menjelaskan ringkasan kajian yang dilakukan meliputi pernyataan masalah, tujuan kajian, metodologi kajian, pemilihan sampel dan lokasi kajian,kaedah pengumpulan data dan penganalisan data.

BAB 2

KAJIAN LEPAS

2.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji berfokuskan kepada teknik pencahayaan 3 point lighting dan Teknik penggunaan warna dalam video perkahwinan. Hal ini kerana, Beberapa *literature* yang akan digunakan sebagai asas pembentukan penyelidikan. Kajian literature ianya berbentuk kajian – kajian tokoh lalu yang telah banyak melakukan kajian mengenai sinematografi *light and colour*. Kajian literature merupakan garis panduan dan sumber rujukan yang sangat penting kepada pengkaji untuk memperolehi maklumat yang tepat dan jelas, Seterusnya, berpandukan kajian literature ini pengkaji dapat menganalisis kekuatan serta kelemahan setiap kajian literature yang seterusnya digunakan untuk menyokong hujah tajuk kajian pengkaji.

2.2 DEFINISI

Perkahwinan merupakan suatu kewajipan dalam agama islam. Sebelum memasuki alam perkahwinan. Perkahwinan adalah kewajipan dalam agama islam mahupun agama-agama lain didunia. Perkahwinan merupakan adat bagi setiap bangsa dalam Negara ini. Hubungan suami isteri terjalin apabila selesainya lafaz ijab kabul dari pasangan pengantin lelaki. Lelu dengan lafaz ini terjalinlah hubungan Halal yang suci buat dua pasangan. Setelah itu hak serta tanggungjawab menjadi seutu kewajipan masing masing demi menjaga kesefahaman antara satu sama lain. (Rahman, 1993)

Selain itu juga perkahwinan dapat idertikan sebagai sebuah perjanjian yang dapat menyatukan pasangan lelaki dan perempuan berdasarkan hukum hakam serta kewajipan yang dituntut oleh agama. Perkahwinan juga dilakukan bagi menghalalkan hubungan kelamin bagi pasangan lelaki dan perempuan yang bukan muhrim untuk mencapai kebahagiaan yang berkekalan mengikut garis panduan yang diterapkan dalam syarak. Dalam agama islam

perkahwinan amat dititikberatkan sebagai penerus zuriat yang halal sebagai sebuah keluarga (Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari, 2002)

Dalam videografi perkahwinan terdapat pelbagai teknik yang digunakan untuk menghasilkan video yang berkualiti antaranya video perkahwinan yang menggunakan unsur-unsur sinematik (sinematografi) dalam filem, seperti pergerakan camera, mise in scene, costume dan lain-lain. Definisi tentang sinematografi diambil daripada bahasa Inggeris Cinematography yang berasal dari bahasa Latin kinema yang bermaksud 'Gambar yang bergerak'. Sinematografi merupakan bidang ilmu yang membahas tentang teknik menangkap gambar kemudian digabungkan sehingga menjadi paparan gambaran yang bergerak (Brown, 2012)

Warna merupakan satu perkara yang penting dan perlu ada dalam paparan gambar, penghasilan video yang cantik. Jika kesan warna ini tidak lengkap, ia akan jadi Black & White filem. Warna juga memberi peranan penting dalam sistem penyampaian komunikasi kepada penonton. Penggunaan warna juga mampu menarik emosi penonton, setiap warna yang digunakan mempunyai nilai serta emosi penyampaian yang berbeza (Brown, 2012). Sebagai contoh, dalam genre filem seram warna merah banyak digunakan dalam babak-babak seram dan mewujudkan suasana ketakutan kepada penonton.

Seterusnya menyentuh bab cahaya, cahaya dalam filem merupakan sesuatu yang utama dalam filem kerana ia mewujudkan kesan visual suasana, dan emosi kepada penonton. Dalam setiap filem penggunaan cahaya akan berbeza mengikut genre sesebuah filem. Perbezaan cahaya dapat memberi tahu penonton dimana pelakon, prop, dalam sebuah babak. Selain itu kadar pencahayaan juga dapat menggambarkan emosi sesebuah pelakon dengan jumlah cahaya, saiz, dan cahaya persekitaran beliau (Lynch, 2007). Sebagai contoh cahaya yang digunakan dalam babak seorang polis sedang menyoal siasat seorang banduan di dalam sebuah bilik, yang gelap dan hanya menggunakan cahaya dari atas serta ia akan menfokuskan kepada polis dan banduan.

MALAYSIA
UNIVERSITI
KELANTAN

2.3 Teori Pencahayaan dan Warna Dalam Filem

Seterusnya perbincangan mengenai definisi warna, pancaindera manusia mempunyai berjuta spectrum warna bagi menangkap sesebuah warna yang dilihat. Menyentuh bab warna dalam kehidupan, warna dapat didefinisikan sebagai sebuah unsur keindahan seni dan reka bentuk yang terlihat pada sesebuah objek. Warna sering berkait rapat dengan cahaya. Warna terhasil dengan kesan pantulan cahaya yang terhasil dari pancaindera manusia. Selain itu juga cahaya membantu manusia menentukan warna pada sesebuah objek atau visual (Prawira, Sulasmi Darma, 1989)

Sedemikian dengan itu warna terdiri daripada tiga warna asas iaitu merah, biru dan kuning yang terhasil dari jenis warna aditif. Aditif merupakan warna yang terhasil dari spectrum warna pada pancaran cahaya merah, biru dan hijau atau lebih dikenali sebagai RGB. Selain itu juga pencampuran dari ketiga-tiga warna akan menghasilkan jenis warna lain iaitu warna primer, warna sekunder, dan warna tertier. Pemahaman mengenai kepelbagaian warna dapat memberikan penyampaian emosi secara ilmiah terhadap fikiran manusia untuk berkomunikasi terhadap permukaan atau gambaran sesebuah warna. (Newton, 1704)

Cahaya merupakan sumber utama dalam kehidupan manusia, setiap hari cahaya menjadi sumber penting dalam mempengaruhi setiap perlakuan manusia. Cahaya mempengaruhi dengan kitaran hidup tumbuhan, untuk proses fotosintesis. Cahaya merupakan sebuah partikel kecil yang bergerak dengan kecepatan tertentu yang berada disekeliling manusia. Namun hanya terdapat satu sinar partikel warna yang dapat dilihat oleh pancaindera manusia secara lurus. Setiap permukaan yang dilihat mengandungi element cahaya. Demikian itu kita dapat melihat gambaran cahaya pada permukaan atau visual dengan penembusan partikel cahaya yang bergerak melalui mata (Ibn al Haitham father of optics and describer of vision theory, 2008)

2.3.1 Asas Pencahayaan

a. Cahaya Utama

Cahaya utama (*key light*) merupakan cahaya yang paling terang dan mempunyai pengaruh besar pada suasana lokasi penggambaran. Cahaya utama boleh dikawal kerana boleh diletakkan tinggi atau rendah untuk menghasilkan pencahayaan yang berbeza. Fungsi cahaya utama ini adalah untuk menerangi subjek yang gelap. Cahaya utama tersebut akan diletakkan pada satu sisi kamera atau subjek supaya bahagian ini menerangi subjek dan sisi lain mempunyai bayang-bayang yang kurang.

b. Cahaya Pengisian

Cahaya pengisian (*fill light*) akan digunakan untuk mengisi bayang-bayang yang dicipta oleh cahaya utama. Cahaya pengisian akan dikurangkan kontrasnya dan akan menambah butiran yang lebih terperinci terhadap subjek yang gelap. Kita juga boleh menetapkan cahaya pengisian lebih banyak berbanding daripada cahaya utama (Faudzan Akhbar Salian, 2017)

c. Cahaya Belakang

Cahaya belakang (*backlight*) adalah apabila lampu yang diletakkan dan dinyalakan daripada belakang objek. Dalam prosesnya adalah untuk menerangi subjek daripada belakang. Ini akan mewujudkan lagi pencahayaan daripada sisi subjek manakala kawasan lain akan kelihatan lebih gelap. Perkara ini dapat membantu memisahkan subjek dari latar belakang dan memberikan rupa tiga dimensi (Faudzan Akhbar Salian, 2017)

d. Pencahayaan Semulajadi

Dalam teknik pencahayaan semulajadi (*natural light*) ia menerangkan kepada cahaya yang tersedia ada di lokasi. Matahari merupakan sumber cahaya yang paling utama bagi jenis pencahayaan semulajadi ini (Landau,2014). Pencahayaan semulajadi tidak boleh dikawal seperti asas pencahayaan tetapi, kita boleh mencuba untuk menyesuaikan cahaya tersebut dengan menggunakan beberapa teknik. Sebagai contoh, menggunakan reflektor untuk menggali cahaya ke arah subjek atau adengan tertentu mengikut kesesuaian tempat dan waktu cahaya.

2.3.2 Colour Grading

Color grading merupakan cara ketepatan terhadap komponen-komponennya. Komponen utamanya merupakan ruang fotografi, dimana ada *exposure* dan sebagainya. *Color grading* juga berhubungan dengan ruang artistik yang dibantu dengan elemen-elemennya dan juga kaedah yang disunting. Ketepatan contohnya adalah menetapkan skintone dalam video. *Color grading* merupakan salah satu bahagian penting dari proses penyuntingan. Penggunaan software yang bersesuaian dalam penyuntingan juga amat penting. Hal ini kerana, *color grading* dapat memberikan ruang cerita baru pada unsur cerita secara keseluruhannya serta dapat menambahkan hal-hal seperti rasa dan unsur artistic dan sinematik. *Colour grading* digunakan sebagai pewarna gambar antara suntingan digunakan ialah *shot matching*, *removing objects*, *shape masks*, *cinematik Looks (day-to-night, underwater, flashbacks)*.

Shot matching adalah proses penyuntingan video dalam software yang bersesuaian. Sebagai contoh menggunakan software Adobe Premier Pro, agak mudah dengan menggunakan teknik penyuntingan terbaik bagi mengubah warna secara fizikal. Apa yang dilakukannya adalah membolehkan penyunting video boleh membandingkan dua video secara berdampingan, kemudian secara automatik memilih data warna dan skala kelabu dari gambar rujukan dan menerapkannya pada gambar semasa.

Seterusnya, *Removing objects* pula, penyingkiran objek adalah salah satu tugas pasca pengeluaran yang paling biasa dalam penyuntingan. Selalunya penyunting akan membuang objek yang tidak diinginkan dan memerlukan kaedah yang memakan masa. Objek yang tidak diperlukan dapat ditutupi. Perisian pengubah digital telah menjadikan prosesnya lebih mudah dan cepat dan mudah.

Bukan itu saja, *shape masks*, merupakan pembetulan dalam penyuntingan yang digunakan dalam software Final Cut Pro. Dalam penyuntingan ini, video boleh disunting untuk bagaimana mendapatkan kesan visual yang cantik, pengabungan warna dalam video dan cara untuk mendapatkan emosional dari hasil penyuntingan yang digunakan. Hal ini kerana, dalam kajian ini, pengkaji dapat mempelajari sedikit sebanyak ilmu pengetahuan Teknik suntingan colour grading yang tepat.

Akhir sekali, *cinematic looks* menerangkan hampir kesemua kita mempunyai warna sinematik yang lebih, tetapi kita sering berlaku kekurangan - sebahagiannya kerana istilah itu sendiri telah terlalu luas untuk ditujukan secara berkesan. Untuk menfokuskan pada tujuan, kajian ini, sinematik merujuk kepada gambar yang sifat visual utamanya sesuai dengan filem bercetak. Bukan itu saja, Filem bercetak adalah media utama di mana kita menggunakan gambar filem untuk pembuatan filem abad pertama, dan dengan demikian menjadi nilai estetika sinematik. Dalam kajian akan menunjukkan ada tiga kaedah utama untuk mencapai estetika ini dengan cepat dan konsisten. Iaitu kekuatan contrast, perbezaan atau perpisahan situation dan mencipta warna secara tepat.

Kesimpulannya, *colour grading* mampu menghasilkan video berunsurkan sinematik dalam video kajian ini. Hal ini kerana, penggunaan Teknik-teknik yang dikaji diatas dapat membantu pengkaji dalam menganalisis colour grading bagi menyelesaikan kajian ini. Secara keseluruhannya, dalam analisis Teknik colour grading yang dikaji di atas, mempunyai elemen-elemen yang terdapat dalam video perkahwinan Athirah, 2015. Ini membolehkan pengkaji dapat mengkaji lebih tepat mengenai cahaya dan warna dalam penghasilan sinematik video perkahwinan Athirah, 2015.

2.4 KAJIAN LEPAS

Cahaya dan warna merupakan elemen yang terdapat dalam kehidupan persekitaran manusia, persekitaran hidup manusia dikelilingi dengan kepelbagaian warna dan cahaya yang mencorakkan keharmonian sebuah hidupan. Cahaya semula jadi matahari menjadi sumber keperluan manusia dalam menjalankan aktiviti seharian berjalan, membuat kerja, menonton television dan sebagainya. Cahaya dapat dilihat melalui pancaindera manusia melalui penembusan partikel gelombang yang bergerak sebari kedalam mata manusia. Warna menjadi kayu ukur untuk manusia menentukan sesuatu objek yang dilihat, sebagai contoh daun berwarna hijau, air berwarna putih, bunga berwarna merah dan sebagainya, melalui warna otak manusia berfikir secara semulajadi untuk menentukan sesebuah objek (Newton, 1704)

Seterusnya, dalam teknik videografi, warna dapat diciptakan melalui pencahayaan, artistik,sesuatu benda dan busana. Warna dalam filem ini mampu mewujudkan penampilan dan suasana hati serta memberi bentuk baru kepada tontonan umum. Ianya mempunyai makna jiwa, yang merupakan unsur kelima yang membentuk jiwa manusia. Memfokuskan pada warna teknikal yang tidak konvensional untuk memunculkan pesan utama pada setiap proses kehidupan yang dialami orang adalah kenangan, perasaan, pemikiran, dan kesedaran yang berlaku sepanjang kehidupan manusia. Dalam kajian ini, pengkaji cuba menggunakan alternatif baru sebagai tontonan di mana warna dan elemen visual sebagai utusan dalam setiap adegan. Warna yang digunakan dalam filem adalah warna dengan makna tertentu yang mampu menjelaskan falsafah Pancer. Warna diambil dari struktur pokok yang terdapat pada gading; merah, kuning, putih, dan hitam. Kelapa Gading di Jawa mempunyai falsafah semua bahagian kelapa mempunyai manfaat untuk hidup. Dalam videografi teknikal warna dapat dibuat melalui pencahayaan, artistik, alat peraga dan kostum atau fesyen (Madella, 2016).

Bukan itu saja, menurut (Torben Grodal, 2005), di bawah keadaan pencahayaan semula jadi, yang ada pada masa sesuatu yang sudah berlaku dimana system visual kita sedang berkembang. Cahaya yang diarahkan tiba di tempat kejadian dari atas, dari matahari atau bulan. Hal ini kerana, dalam Teknik pencahayaan yang lebih kepada semula jadi memiliki komposisi cahaya yang kuat dan terang bagi menampung cahaya dalam rakaman video. Pembentukan cahaya juga akan menciptakan mood dan pembentukan wajah pelakon. Oleh itu, penggunaan pencahayaan semula jadi dalam video perkahwinan dapat menghasilkan video bersinematik mengikut mood dan suasana yang berlaku pada hari kejadian. Pencahayaan juga, merupakan sebuah bahagian yang perlu ada dalam seni persembahan pentas iaitu *theater* . Hal ini kerana persembahan pentas perlu menggunakan cahaya untuk mewujudkan sebuah ruang yang dapat membimbing mata penonton kearah subjek.Penggunaan elemen pencahayaa juga dapat membantu penonton untuk memahami jalan cerita yang cuba disampaikan (Boyce, 2003)

Memerihalkan susun atur fizikal atau teknikal jenis pecahayaannya yang diberikan agak mudah, selalunya mungkin untuk mendapatkan keterangan dari sebilangan orang yang mengatur pencahayaan. Masalah kesan yang dimaksudkan adalah masalah yang kerap berlaku dalam pencahayaan. Untuk menggambarkan kesan kognitif pencahayaan, misalnya, cara di mana cahaya yang diberikan meningkat atau menghalang pengenalan objek dan penonjolan objek tersebut (Josep D. Aderson, 2005). Hal ini kerana, kebanyakan penerangan tentang kesan pencahayaan ditujukan untuk usaha yang lebih besar iaitu menggambarkan cara pencahayaan memberi aspek pengalaman emosional dari pemandangan dalam video. Wal hal

dalam sinematografi menerangkan kesan pelbagai jenis pencahayaan dan menggunakan metafora. Sifat sentuhan (*soft versus hard light, warm versus cold colour*) merupakan cahaya yang disunting. Apabila berlaku cahaya yang lembut objek akan diterangi dengan cahaya yang lembut hal itu menunjukkan suasana dan pengalaman dalam video atau filem. Gambar atau video yang ditunjukkan kepada penonton akan memberi suasana yang baru dan memberikan video atau gambar yang berkualiti.

Warna memainkan peranan penting dalam mempersembahkan pemakaian perhiasan masyarakat Melayu. Warna dalam masyarakat Melayu sering dikaitkan dengan dan status kepada pemakainya.. Sebagai contoh warna putih dan kuning merupakan simbol utama yang melambangkan golongan raja. Warna Putih lebih merujuk kepada raja dan warna kuning pula diberikan kepada putera raja(anak-anak raja).Hal ini kerana warna putih itu di anggap lebih terang dari warna kuning dan lebih menonjol untuk dilihat (Ismail, 2006)

- i. Putih – raja
- ii. Kuning- raja, anak raja
- iii. Ungu/merah/hijau – sida-sida/orang-orang besar
- iv. Biru – bentara/hulubalang
- v. Hitam – orang bergelar.

Selain itu juga warna dapat dikaitkan dalam sesebuah budaya ,setiap budaya mempunyai warnanya yang tersendiri bagi melambangkan budaya itu sendiri. Masyarakat Melayu pada asasnya mengenal beberapa warna utama iaitu hijau , biru ,kelabu,hitam putih,merah dan kuning.Kemudian pengetahuan warna itu berkembang dari semasa ke semasa melalui pencampuran luar.Kini warna warna dapat digunakan dalam menentukan personaliti manusia yang diterapkan sebagai suatu inisiatif untuk memulih psikologi manusia (Omar, 1987)

Seterusnya melihat kesan warna terhadap filem,di dalam dunia filem pengaplikasian unsur warna diketengah sebagai element penyampaian emosi dalam filem.Penonton lebih cenderung untuk mengetahui isi kandungan dalam fokus penceritaan.Penggunaan teknik elemen warna yang bermain dengan kesan ruang ,atmosfera dan objek dapat mempengaruhi tumpuan penonton kearah subjek utama. Hal ini kerana dengan penggunaan arah pencahayaan yang betul tumpuan dalam sesebuah scene itu dapat menimbulkan kesan kesan yang tersendiri yang dapat menaikkan emosi penonton.selain itu juga sifat pencahayaan juga

memainkan peranan penting dalam mewujudkan sebuah ruang dimensi yang berbeza (Hisham, 2004)

Prinsip utama dalam semua teori warna adalah bahawa mata dan otak menemukan keharmonian warna dan kepuasan dalam berkecuali sahaja. Gandingan warna yang paling senang dijumpai ketika menggunakan warna pelengkap dalam kecerahan relatif warna murni. Pelengkap warna adalah warna yang apabila digabungkan, saling meneutralkan, mewujudkan warna kelabu atau hitam nada. Kajian ini disebut oleh Tarina Tommiska, nada kelabu ini tidak harus ada, hanya warna yang akan menghasilkan warna kelabu 16 nada apabila digabungkan. Setiap warna mempunyai kecerahan intrinsik tersendiri sehingga dapat dicapai keseimbangan, kombinasi ini harus digunakan dalam perkadaran tertentu (Tarina Tommiska, 2017). Hal ini kerana, *colour grading* yang dinalisis dalam objektif kedua pengkaji bagi membantu memberikan penjelasan yang tepat mengenai video perkahwinan Athirah, 2015. Dalam video tersebut, mempunyai teknik *color grading* yang dihasilkan bagi menampakkan mood atau suasana yang tersurat sepanjang adengan itu berlaku.

Istilah *colour grading* digunakan secara khusus untuk merujuk padanan *colour grading* adalah penting kerana gambar diambil pada masa yang berbeza di bawah cahaya semula jadi boleh mempunyai 'rasa' yang berbeza bahkan sedikit perubahan dalam pencahayaan. Pada masa ini ini sudah diperbaiki oleh artis berpengalaman yang secara manual memadankan warna antarabingkai dengan parameter penalaan. Ini adalah tugas yang sukar sejak perubahan keadaan pencahayaan menyebabkan perubahan yang sangat kompleks. Kaedah yang dikemukakan dalam makalah ini bagaimanapun berjaya mengautomatikkan proses yang sukar ini walaupun keadaan pencahayaan telah berubah secara mendadak. (F. Pitie, 2005). Hal ini kerana, dalam penggunaan *colour grading* penyuntingan dapat membezakan kepada penonton warna dan suntingan yang baik serta berkualiti. *Colour grading* juga, menerapkan elemen-elemen yang dapat membantu proses suntingan seperti campuran warna, pengubah kedudukan objek, mengaplikasikan suasana sinematik dan sebagainya.

Seterusnya, *Colour grading* adalah alat penting dalam penghasilan video, sebahagiannya setara dengan prosesnya pengimbangan warna dalam fotografi. Bersama dengan potongan dan muzik yang berbeza, ia menghasilkan pengalaman unik kepada penonton, meningkatkan suasana dan suasana yang berbeza. Permintaan untuk video yang dinilai warna meningkat, bukan hanya kerana permintaan kandungan video yang meningkat secara keseluruhan, tetapi juga kerana peningkatan kualiti paparan, seperti pada telefon pintar (Tarina Tommiska, 2017). Hal ini kerana, semasa merakam video dalam bentuk digital,

kandungannya rata membolehkan penyesuaian penuh nilai dan warna. Rata adalah istilah profesional yang digunakan dalam fotografi dan videografi untuk menerangkan kandungan yang tidak mempunyai warna dan kontras. *Colour grading* membolehkan kandungan ini disunting agar kelihatan serupa dengan persepsi semula jadi dan normal mengenai penglihatan manusia, oleh itu kelihatan lebih menarik dan menarik bagi penonton.

Walaupun bagaimanapun, walaupun terdapat pelbagai alat yang ada sekarang, *colour grading* masih merupakan proses yang membosankan yang memerlukan tahap kemahiran dan anggaran masa yang meletakkannya di luar jangkauan peminat video amatir. Matlamat kerja kami adalah untuk memungkinkan pengguna amatir untuk melamar popular gaya penggredan warna ke video rumah mereka sendiri dengan pengguna minimum interaksi (Nicolas Bonnel, 2013). Hal ini kerana, mencapainya dalam penggunaan pendekatan berasaskan contoh; penonton diminta untuk menentukan model video (atau gambar) yang mewakili gaya *colour grading* yang mereka suka, dan teknik kami memindahkan warna palet video model ini ke klip mereka.

Akhir sekali, Teknik sinematik boleh digunakan untuk memberikan penyampaian maklumat yang lebih menyenangkan dan berkesan. Klip video dibina dengan mencari dahulu urutan butiran yang disebutkan di komen audio, memutuskan segmentasi dalam rakaman, dan kemudian merancang pergerakan kamera supaya fokus dengan lancar pada setiap perincian selari dengan rakan lisan. Dalam pendekatan kami, bahagian verbal selalu mendorong bahagian visual (M. Zancano, 20013). Hal ini menunjukkan, penyampaian dalam Teknik sinematik dalam video memerlukan sokongan dari teknik pencahayaan dan suntingan *colour grading* betul. Pergerakan kamera dalam merakam juga penting bagi memastikan adengan yang dirakam menghasilkan video yang cantik.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 PENGENALAN

Dalam bab tiga ini pengkaji akan menerangkan dengan lebih lanjut berkenaan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Metodologi kajian adalah sebuah kaedah yang digunakan bagi mengumpul dan menganalisis data bagi memberikan maklumat yang mencukupi bagi menyokong tajuk yang dikaji. Pengolahan idea serta analisis yang sistematik dapat digunakan bagi meneroka segala isi kandungan atau bahan ilmu yang sukar untuk diperolehi. Penelitian berbentuk ilmiah menggunakan metodologi kajian yang bersesuaian akan memberikan hasil kajian yang berkualiti. Menurut Ahmad Mahdzan Ayob 1993, kaedah metodologi kajian adalah merujuk kepada tatacara tentang bagai mana untuk melaksanakan sesebuah kajian dan bagaimana solusi yang perlu dilakukan bagi memperoleh maklumat bagi mencapai matlamat kajian. (Ayob, 1992)

3.2 KAEDAH KUALITATIF

Kaedah kualitatif merupakan sebuah kaedah yang digunakan bagi mencari serta menganalisis maklumat yang didapati melalui pemerhatian berbentuk pengetahuan dan pengalaman yang dilalui oleh subjek kajian. Kajian berbentuk kuantitatif membincangkan maklumat berbentuk keterangan, lisan, dan lain-lain. Kaedah ini lebih banyak membahaskan tentang emosi, sifat dan keadaan seseorang individu. Selain itu kaedah kualitatif tidak menggunakan pandangan umum untuk memperoleh maklumat yang banyak namun lebih kepada kaedah analisis bagi mendapatkan isi yang berkualiti dengan tertumpu kepada sample yang sedikit. Kaedah kualitatif lebih banyak melibatkan

pengkaji itu sendiri untuk merasai pengalaman kehidupan seharian dalam sesebuah petempatan (Hamzah, 2010).

Dengan menggunakan kaedah ini, sebuah kajian kes perlu dilakukan bagi menghimpunkan data yang berkait dengan tajuk kajian. Kaedah persampelan yang dijalankan dapat membantu pengkaji untuk mengumpulkan maklumat . Pengumpulan analisis yang banyak akan memudahkan pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan yang terdapat dalam kajian ini. Kaedah kualitatif lebih dianggap berstruktur dan lebih menumpukan kepada proses pengumpulan analisis.

3.2.1 Instrumen Kajian

1. Analisis Kontekstual

Menurut Barthes, analisis tekstual dapat membentuk makna dari teks yang dikaji (Azlina Asaari, 2017). Analisis kandungan merupakan satu kaedah yang digunakan bagi mengkaji kandungan yang terdapat dalam tesis, jurnal, buku dan juga filem. melalui analisis kandungan ini, pengkaji perlu menonton video yang dikaji, disamping membaca bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan kajian bagi mendapatkan maklumat berkenaan penyelidikan ini.

a. Jurnal

Jurnal merupakan satu rekod pengalaman, idea atau refleksi yang disimpan secara tetap untuk kegunaan peribadi (Ghazali Yusri Abd Rahman, 2012). Bagi menjalankan kajian ini, jurnal-jurnal berkaitan dengan teknik pencahayaan dan *colour grading* digunakan sebagai rujukan pengkaji.

b. Tesis

Tesis merupakan kajian-kajian oleh para sarjana yang terdahulu dan suatu sumber yang tepat untuk diambil maklumat berkaitan dengan kajian tentang cahaya dan warna. Banyak antara tesis yang pengkaji jadikan sebagai bahan rujukan. Hal ini kerana, terdapat beberapa tesis yang terdahulu menggunakan topik pencahayaan dan warna ini sebagai satu penyelidikannya. Namun begitu, tesis mengenai kajian warna dan cahaya dalam penghasilan sinematik video perkahwinan teknik pencahayaan dan analisis *colour grading* yang kurang dijalankan. Namun, pengkaji masih menggunakan tesis sebagai sumber rujukan utama bagi setiap kajian kerana tesis mampu memberi info yang lebih banyak dan jelas.

c. Audio visual

Video perkahwinan yang dikaji merupakan sumber utama bagi menjalankan kajian ini. Video perkahwinan Athirah, 2015 digunakan sebagai rujukan. Video perkahwinan dipilih bagi menganalisis dan mengkaji sinematik yang terhasil dari pencahayaan dan *colour grading* yang digunakan. Melalui video ini, pengkaji merekodkan teknik penggunaan pencahayaan dan *colour grading* dalam adengan yang menghasilkan sinematik.


2.Kajian Perpustakaan

Bagi mendapatkan pelbagai maklumat yang lebih banyak, pengkaji menggunakan pendekatan kajian perpustakaan. Melalui kaedah ini pengkaji dapat melakukan rujukan ilmiah di perpustakaan dengan teliti terutamanya rujukan berkenaan cahaya dan warna dalam sinematik perkahwinan. Bahan seperti buku, kajian lepas, jurnal dan ensyclopedia menjadi rujukan pengkaji dalam mengumpulkan maklumat dan teori dari falsafah lau yang berkait dengan tajuk kajian.

3. Sumber internet

Dalam dunia masa kini, internet merupakan sumber yang paling penting dalam kehidupan masyarakat. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kemudahan internet bagi maklumat berkenaan “cahaya dan warna”. Sumber internet merupakan kemudahan yang luas mengandungi pelbagai kemudahan untuk pengguna mencari bermacam-macam manfaat melaluinya. Sumber internet menjadi sumber pengumpulan maklumat tambahan sama ada daripada dalam mahupun luar.

3.3 Carta Aliran



BAB 4

ANALISIS DALAM VIDEO PERKAHWINAN ATHIRAH, 2015

4.1 PENGENALAN

Bab 4 menerangkan tentang kaedah analisis yang dihasilkan cahaya dan warna dalam penghasilan sinematik dalam video perkahwinan Athirah, 2015. Bab ini juga memaparkan dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan dua objektif utama kajian ini. Bagi tujuan tersebut, bab ini dipecahkan kepada dua bahagian iaitu dapatan pertama adalah Mengkaji teknik penggunaan cahaya dalam video perkahwinan Athirah, 2015. Pengkaji mengenalpasti teknik – teknik penggunaan cahaya dalam video perkahwinan. Manakala, kedua adalah menganalisis colour grading dalam penghasilan sinematik video perkahwinan Athirah,2015. Dalam objektif ini, setiap teknik penyuntingan cahaya dan warna dalam video perkawinan Athirah,2015 akan dianalisis berdasarkan teknik yang digunakan.

4.2 ANALISIS VIDEO PERKAHWINAN ATHIRAH,2015

Dalam bab ini, menggunakan kaedah kualitatif oleh pengkaji mengenai analisis dan kajian dalam penghasilan video sinematik perkahwinan pada masa kini. Analisis kali ini, akan dibandingkan dan mengupas teknik pencahayaan dan teknik *colour grading* dalam video yang diambil dari laman Youtube iaitu video perkahwinan Athirah, 2015. Hal ini, kerana pengkaji ingin mendapatkan maklumat yang lebih kukuh dan tepat untuk meneruskan kajian analisis pengkaji..

4.2.1 Jenis Teknik Pencahayaan Yang Digunakan Video Perkahwinan Athirah,2015




Rajah 4.1 : Teknik Pencahayaan 1

Hasil analisis light and colour dalam penghasilan sinematik video perkahwinan Athirah,2015 menunjukkan bahawa pada durasi 0:00:21 sehingga 0:00:26 terdapat penggunaan unsur denotatif melalui pencahayaan semulajadi (*nature light*). Melalui teknik pencahayaan dalam video ini, membawa makna keadaan cuaca pagi atau matahari terbit ketika baju ini digantung dalam bilik. Juruvideo mengambil teknik yang mereka hasilkan, yang paling penting adalah pencahayaan dramatik dan sudut psikologi subjektif, ekspresi menerangkan kisah dan gaya adengan *kammerspielfilm* (Smith, 2006). Pencahayaan yang digunakan seimbang mengikut gerakan kamera dan kedudukan objek dan cahaya. Disitu juga kelihatan, cahaya dari luar yang terang.



Rajah 4.2 : Teknik Pencahayaan 2

Selain itu, dalam teknik pencahayaan video perkahwinan Athirah, 2015 pada durasi 0:00:30 sehingga 0:00:32 kelihatan kasut yang diterangi cahaya. Cahaya tersebut merupakan cahaya semulajadi iaitu (*nature light*). Pemandangan yang diterangi dengan sempurna, bukan hanya menyampaikan watak-watak atau objek yang diolahkan dalam video, tetapi juga memaksa penonton untuk merasakan emosi tertentu (Smith, 20016). Hal ini kerana dengan penggunaan arah pencahayaan yang betul tumpuan dalam sesebuah scene itu dapat menimbulkan kesan kesan yang tersendiri yang dapat menaikkan emosi penonton. Selain itu juga sifat pencahayaan juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan sebuah ruang dimensi yang berbeza (Hisham, 2004). Teknik pencahayaan (*nature light*) dalam video ini membawa maksud ketika kasut itu diletakkan diatas sebuah bongkah, ia menunjukkan dibawah cahaya matahari waktu jam 9 pagi hingga 10 pagi. Cahaya ini merupakan cahaya yang sudah tersedia ada dan tidak menggunakan pencahayaan lain.



Rajah 4.3 : Teknik Pencahayaan 3

Pada durasi 0:06:31 sehingga 0:06:34 terdapat penggunaan teknik pencahayaan (*low key lighting*), teknik ini digunakan untuk menerangi subjek dari sisi. (*low key lighting*) ini memberikan suasana yang dramatis yang biasa disebut 'chiaroscuro'. Kesan pada video ini, menonjolkan seorang perempuan yang sedang bersiap untuk berjumpa dengan pasangan hidupnya. Teknik ini menerangkan, keadaan perempuan itu sedang berada di dalam bilik yang gelap dan hanya diterangi satu cahaya dari luar tingkap biliknya. Teknik (*low key lighting*) yang terdapat pada durasi 0:06:31 hingga 0:06:34 memberikan kelebihan yang tidak sempurna kerana berlaku kekeliruan dan menonjolkan keadaan yang dramatis (Smith, 2006). Oleh itu, ia akan menunjukkan situasi dramatik dan emosi kepada penonton kerana teknik cahaya digunakan sesuai dengan muzik latar. Walhal itu, cahaya luar yang lebih terang, mengandungi bahagian *pixel* terang yang lebih tinggi. Dapat dilihat video perkahwinan Athirah, 2015 pada durasi tersebut berlaku (*low key lighting*), dan mengandungi lebih banyak *pixel* yang lebih rendah kecerahan berbanding adengan yang lain. (Zeeshan, Yaseer, Student, 2005)



Rajah 4.4 : Teknik Pencahayaan 3

Pada durasi 0:06:35 sehingga 0:06:40 menunjukkan penggunaan (*soft light*) dan (*nature light*). Kedua-dua teknik ini digabungkan yang menerangkan seorang pengantin perempuan yang sedang duduk diatas katil ditepi tingkap. . Tahap cahaya tidak mempengaruhi warna, tetapi hanya kecerahan persekitaran dan spektral keluk pengagihan kuasa cahaya lembut dan terang (Onder Barli, 2011). Babak ini memberikan adengan yang akan terasa emosional, serta memiliki sinematografi cahaya yang lembut. Sumber cahaya yang lembut ini membuatkan penonoton lebih tenang dan tertarik untuk melihatnya. Cahaya ini merupakan cahaya yang sudah tersedia ada. Pencahayaan tidak hanya dibuat emosi, kesedihan atau kejutan, tetapi juga boleh mewujudkan penonton berasa gembira apabila melihat seorang perempuan yang berpakaian cantik dan wajah yang berseri (Smith, 2006). Situasi ini menunjukan penonton lebih memahami apa yang disampaikan dalam video tersebut. Untuk menerangkan bahawa cahaya itu lembut, dan dengan demikian juga benda-benda yang diterangi dengan cahaya lembut, mungkin hanya menunjukkan jangkaan bahawa kemungkinan sesuatu yang paling hampir dengan objek-objek itu dihasilkan sebagai lembut juga (Torben, 2005).

4.2.2 Jenis Colour Grading Dalam Video Perkahwinan Athirah,2015



Rajah 4.2.1 : Colour Grading 1

Seterusnya, dalam teknik penyuntingan warna dalam video perkahwinan Athirah,2015 durasi 0:00:17 sehingga 0:00:20 menunjukkan suntingan warna yang digunakan adalah *B&W* iaitu *black and white*. Suntingan hitam dan putih ini menerangkan keadaan yang belum berlaku. Hal ini kerana, dalam video itu menunjukkan baju pengantin perempuan yang belum dipakai dan digantung. Penggunaan *colour grading* hitam dan putih simbolik kepada emosional sedih. Penyuntingan warna memainkan peranan dalam memberi jalan cerita pada sesebuah filem atau video. Warna hitam dan putih tidak akan membuat sebarang gangguan warna, mata penonton yang tertuju pada bentuk video itu. Penyuntingan hitam dan putih adalah teknik yang selamat untuk mengelakkan video yang mempunyai masalah kabur, warna pada video terlalu cerah dan objek yang mengganggu. Melihat kesan warna terhadap filem,di dalam dunia filem pengaplikasian unsur warna diketengah sebagai element peyampaian emosi dalam filem.Penonton lebih cenderung untuk mengetahui isi kandungan dalam fokus penceritaan (Hisham, 2004). Dalam teknik mengimbangi warna untuk menyesuaikan warna tertentu, pada durasi ini, suntingan tidak menfokuskan kepada keseluruhan warna primer, iaitu merah, hijau dan biru (RGB).



Rajah 4.2.2 : Colour Grading 2

Akhir sekali, durasi 0:01:59 sehingga 0:02:02 situsasi menunjukkan teknik penyuntingan digunakan adalah separa *black and white*. Maksud disebalik warna yang disunting pada video itu, ia akan berlaku perubahan babak yang lebih cantik dan menarik. Bukan itu saja, perubahan warna selepas durasi video tersebut lebih banyak kepada suasana yang gembira. Durasi 0:01:59 hingga 0:02:02 juga, ia menerangkan suasana masyarakat islam yang sedang berdoa. *Tone* kelabu ini tidak harus ada, hanya warna yang akan menghasilkan warna kelabu 16 *tone*, apabila digabungkan. Setiap warna mempunyai kecerahan intrinsik tersendiri sehingga dapat dicapai keseimbangan, kombinasi ini harus digunakan dalam kesesuaian tertentu (Tarina Tommiska, 2017). Warna separa ini hanya mengurangkan *tone* warna sahaja. Dengan hasil suntingan pengurangan *situation* dalam video ini, ia mampu memberikan *cinematic look* dan menambah kesan sinematik estetik. Justeru itu, pengkaji dapat memahami penggunaan *colour grading* dalam video perkahwinan Athirah, 2015 mampu menghasilkan sinematik.

4.3 KESIMPULAN

Kesimpulannya, penghasilan sinematik video perkahwinan dalam teknik pencahayaan dan teknik *colour grading* diterapkan melalui video perkahwinan Athirah,2015. Setiap penyuntingan cahaya dan warna terdapat dalam video perkahwinan Athirah,2015 dianalisis berdasarkan teknik pencahayaan semula jadi dan teknik *colour grading* yang betul. Secara keseluruhan, kesan sinematik pada video perkahwinan Athirah,2015 lebih menonjol melalui pencahayaan semula jadi dan teknik *colour grading* yang tepat. Diharapkan analisis ini dapat menjadi panduan kepada jurugambar di luar sana dalam menghasilkan video perkahwinan sinematik yang lebih berkesan.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Bab 5 merupakan bab yang akan merumuskan segala perbincangan dan dapatan kajian yang dilakukan dibab-bab terdahulu. Beberapa cadangan akan dirumuskan dalam bab ini bertujuan menambahbaik analisis ini ke arah analisis dan kajian yang lebih baik.

5.2 RUMUSAN

Hasil analisis mendapati bahawa cahaya dan warna dalam penghasilan sinematik video perkahwinan Athirah,2015 merupakan video yang menerapkan teknik pencahayaan dan *colour grading* yang menarik. Pengkaji mendapati bentuk visual yang ditayangkan dalam bentuk pencahayaan yang digunakan memainkan peranan yang penting untuk mendatangkan kesan kepada penonton. Antara pencahayaan yang dianalisis dalam video perkahwinan ini ialah pencahayaan semulajadi, cahaya utama. Selain itu, pengkaji juga mendapati *colour grading* yang memainkan peranan penting untuk menghasilkan sinematik pada video perkahwinan Athirah,2015.

Kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa kajian ini berjaya membuktikan video perkahwinan ini merupakan video yang menepati sinematik melalui teknik pencahayaan dan *colour grading*. Video perkahwinan ini juga mempunyai kesan yang emosional yang dihasilkan melalui beberapa teknik pencahayaan semulajadi dan buatan serta *colour grading* yang menepati suasana. Video perkahwinan ini, mampu memberi contoh kepada video-video perkahwinan diluarsana. Video ini juga menghasilkan elemen sinematik yang cantik dan mengikut ketetapan teknik yang dihasilkan. Oleh itu, semua juruvideo perkahwinan haruslah mencari lebih banyak contoh-contoh video perkahwinan yang menarik sebagai panduan dan panduan.Selain itu, juruvideo hendaklah memiliki banyak pengalaman dalam bidang videografi dengan tujuan dapat

menghasilkan video perkahwinan yang setanding dengan video juruvideo antaranbangsa.

5.3 CADANGAN

Berdasarkan daripada hasil kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa videp perkahwinan Athirah,2015 merupakan video yang mengaplikasikan elemen sinematik dari teknik pencahayaan dan *colour grading*. Untuk kajian lanjutan, pengkaji bercadang kajian yang sama harus dilakukan berkenaan elemen sinematik namun melalui pelbagai teknik-teknik yang lain. Hal ini kerana, di Malaysia terdapat ramai juruvideo yang sudah professional dan berbakat besar untuk menghasilkan video sinematik perkahwinan jauh lebih cantik dan menarik. Maka, pengkaji boleh mengkaji melalui media internet yang banyak video perkahwinan dikongsi pada hari ini. Ini dapat membantu dalam kajian pengkaji akan datang untuk meneruskan kajian dalam video perkahwinan pada hari ini.

Selain daripada itu, pengkaji juga boleh mengkaji gaya penghasilan bagi video perkahwinan Bella & Amir, MSSA STUDIO 2019 dan EMOTIONAL WEDDING Nabila and Syid, 2019. Hal ini kerana, kedua-dua video ini mempunyai elemen sinematik yang dihasilkan didalam video perkhawinan. Kajian dan ananlisis terhadap dua buah video ini dapat menambah ilmu mengenai teknik,gaya dan suntingan yang menarik. Di samping itu juga, pengkaji juga menggunakan video it sebagai rujukan kajian dan akan dihasilkan didalam projek. Selain itu, teknik-teknik yang digunakan dalam video perkahwinan itu, akan dijadikan sebagai panduan yang mampu menyelesaikan permasalahan video yang kurang mendapat sambutan pada hari ini.

RUJUKAN

Buku

Alexis Van Harkman.(2004).*COLOUR CORRECTION HANBOOK: Professional Techniques for videos and Cinema, Second Edition*.United States of Amerika.

Jurnal Artikel

Ayob, A. M. (1992). *Kaedah penyelidikan sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Azlina Asaari, Jamaluddin Aziz & Sabariah Mohamed Salleh (2017). *Susuk, Wanita dan Abjection dalam Filem Seram Kontemporari Melayu*.

Boyce, P. R. (2003). *Human Factors in Lighting*. London: CRC Press.

Brown, B. (2012). *Theory and Practice : Iagemaking for Cinematographers and Directors*. Focal Press, 2012.

F. Pitie, AC. Kokaram & R.Dahyot, (2005) *Towards Automated Colour Grading*, Univerisity of Dublin.

Fuadzan Akbar Sailan. (2017). *Analisis Fungsi Low Key Sebagai Konsep Pencahayaan Pendukung Suspense Pada Program Serial Cerita Masalembo Di Net.Tv*. Jurusan Televisi Program Studi Televisi Dan Film Fakultas Seni Media Rekam Institut Seni Indonesia Yogyakarta.

Hamzah, A. (2010). Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6.

Hisham, M. F. (2004). ANALISIS SEMIOTIK WARNA TERHADAP LATAR DAN WATAK FILEM LELAKI HARAPAN DUNIA (2014) SEMIOTIC COLOUR ANALYSIS OF SETTING AND CHARACTER 'LELAKI HARAPAN DUNIA .

Ibn al Haitham father of optics and describer of vision theory . (2008). *researchgate.net*, 183 - 188.

Ismail, S. Z. (2006). *Pakaian Cara Melayu*. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jason Smith.(2006).*Lighting in Casablana*,Collage of Dupage.

Joseph D. Anderson and Barbara Fisher Anderson.(2005).*Moving Image Theory Ecological Consideration Southern Illinois*,University Press United States.

Juraj Obert.(2008).*iCheat:A Representation for Artistic Control of Indirect Cinematic Lighting*,Amerika

Lynch, D. (2007). *Catching the Big Fish: Meditation, Consciousness, and Creativity: 10th Anniversary Edition Kindle Edition*. TarcherPerigee (December 27, 2007).

Madella Majid Prasihara, (2016). *Warna Sebagai Look dan Mood Pada Videografi Film Televisi "Pancer"* Institusi Seni Indonesia Yogyakarta.

Matthew Wade, Michael J Walsh.(2019).*Their Time and their story:Inscribing belonging through life narrative and role expectations in wedding videography*., United States.

M.Zancanaro,O.Stock,I.Alfaro.(2003).*Cinematic Techniques In A Multimedia Museum Guide*,Toronto Canada.

Newton, I. (1704). *Optics*. Great Britain.

Nicolas Bonnel, Kalyan Sunavalli, Sylvain Paris , Hanspeter Plister.(2013).*Example-Based Video Colour Grading*,Harvard University.

Omar, A. H. (1987). *Bahasa Malaysia Saintifik*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Onder Barli,Mehmet Aktan,Bilsen Bilgili,Senol Dane.(2011).*Lighting,Indoor Colour, Buying Behavior and Time Spent in a store*,Turkey.

Prawira, Sulasmi Darma. (1989). *Warna sebagai salah satu unsur seni & desain* . Jakarta : P2LPTK.

Rahman, M. S. (1993). *Undang-undang keluarga Islam: Aturan perkahwinan : suatu pendekatan berdasarkan amalan semasa*. Malaysia: Hizbi; Cet. 1 edition (January 1, 1993).

Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari. (2002). *Pengantar perkahwinan dan keluarga*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Tarina Tommiska.(2017).*Colour Grading Video Files in Adobe Lightroom*,University of Applied Science.

Torben Grodal.(2005). *Film Lighting and Mood Souther Illinois*, Unversity Press United States.

Zeeshan Rashed, Yaser Sheikh, Student Member, IEEE, Mubarak Shah, Fellow.(2005).*One the of Computable Features for Film Classification*,Turkey.

Internet

<https://studioantelope.com/color-grading-dengan-andhy-pulung/>

<https://blog.raw.film/how-to-remove-a-moving-object-in-the-color-grading-space-in-davinci-16/>

<https://nofilmschool.com/3-tips-color-grading-cinematic-images>